



No. Ruj. : KKM 87/P1/34/8 Jld. 2 (22)

Tarikh : 31 Oktober 2008

Semua Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri / Wilayah Persekutuan
Pengarah Hospital Kuala Lumpur

YBhg. Dato' / Datin / Tuan / Puan,

**SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL. 17/2008 –
GARISPANDUAN BEDAH-SIASAT MAYAT DI HOSPITAL-HOSPITAL
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

TUJUAN

1. Surat Pekeliling ini bertujuan untuk mengemaskini dan menyeragamkan peraturan bedah-siasat mayat yang sedia ada dan digunapakai di Hospital-hospital Kementerian Kesihatan Malaysia.

LATARBELAKANG

2. Kelewatan dalam melaksanakan bedah-siasat mayat dan penyerahan mayat kepada waris atau ahli keluarga adalah diantara rungutan yang diterima dari orang ramai. Perkara ini juga telah mendapat perhatian pihak agensi pusat dan diperbincangkan di Mesyuarat Panel Pemantauan Penyampaian Perkhidmatan (Panel 3 P) yang dipengerusikan oleh Ybhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara.

3. Pada masa sekarang, jumlah bilangan kes-kes kematian yang perlu dilakukan bedah-siasat mayat semakin bertambah dan terdiri dari pelbagai punca atau sebab kematian termasuk kes kemalangan jalanraya. Kes-kes kematian berlaku dimana-mana di seluruh negara dan akan dihantar ke hospital-hospital Kementerian Kesihatan Malaysia yang berdekatan untuk dilakukan bedah-siasat mayat.

4. Oleh yang demikian, Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan ini yang menerangkan garis panduan bedah-siasat mayat disediakan untuk digunapakai bagi penyeragaman dan penambahbaikan peraturan bedah-siasat mayat di hospital-hospital Kementerian Kesihatan Malaysia.

PERATURAN

5. Mulai dari tarikh berkuatkuasa Surat Pekeliling ini, maka prosedur bedah-siasat mayat yang dilaksanakan hendaklah mengikut Garispanduan yang dilampirkan. Perhatian hendaklah diberikan kepada perkara-perkara berikut:-

- 5.1. Peraturan bedah-siasat mayat yang perlu dipatuhi di hospital-hospital yang ada Pakar Perubatan Forensik dan hospital-hospital tanpa Pakar Perubatan Forensik.
- 5.2. Peranan Pengarah Hospital dan penyelia mortuari terutama di hospital-hospital tanpa Pakar Perubatan Forensik bagi melicinkan prosedur bedah-siasat mayat di hospital masing-masing.
- 5.3. Borang-borang yang perlu diisikan dengan lengkap dan dikemukakan kepada pihak Ibupejabat Kementerian bagi tujuan pemantauan penggunaan Surat Pekeliling dan garispanduan ini.

PEMANTAUAN

6. Setiap Jabatan / Unit Perubatan Forensik hendaklah memberikan maklumbalas penggunaan Garispanduan ini dengan menggunakan **Borang A-C** dan dihantar pada **bulan Januari minggu pertama setiap tahun** kepada:

Ketua
Unit Perkhidmatan Sokongan Klinikal
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 5 Blok E1 Parcel E Presint 1
62590 PUTRAJAYA
(Pemantauan Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil.
17/2008 – Garispanduan Bedah siasat di Hospital-hospital Kementerian
Kesihatan Malaysia)

TINDAKAN DAN TANGGUNGJAWAB

7. YBhg. Dato' / Datin / Tuan / Puan / Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri / Wilayah Persekutuan adalah bertanggungjawab mengedarkan Surat Pekeliling ini serta Garispanduan yang dilampirkan kepada **semua** Pengarah Hospital yang dibawah tanggungjawab YBhg. Dato' / Datin / Tuan / Puan dan hendaklah dipastikan ianya dipatuhi.

8. Pengarah – Pengarah Hospital bertanggungjawab untuk memastikan prosedur bedah-siasat mayat dilaksanakan mengikut garispanduan yang dilampirkan dan bantuan dari segi sumber dan fasiliti disediakan demi penyampaian perkhidmatan berkenaan dengan cemerlang dan efisien.

9. Pakar-pakar Perubatan Forensik dan pegawai perubatan yang terlibat dengan prosedur bedah-siasat mayat bertanggungjawab menggunakan garis panduan yang dilampirkan sepenuhnya bagi memastikan perihal prosedur bedah-siasat mayat diseragamkan di seluruh negara dan laporan bedah-siasat mayat disediakan dengan sebaiknya selepas selesai bedah-siasat mayat dilakukan.

TARIKH BERKUATKUASA


10. Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia ini berkuatkuasa dari tarikh surat ini dikeluarkan.

PERTANYAAN

11. Sekiranya terdapat pertanyaan mengenai Surat Pekeliling ini, sila berhubung dengan:

**Pengarah,
Bahagian Perkembangan Perubatan,
Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 7, Blok E1, Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya.
No. Tel : 03 88833888 Fax : 03-88831155**

”BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



TAN SRI DATO' SERI DR. HJ. MOHD ISMAIL MERICAN
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

s.k. Ketua Setiausaha
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)